

2 MAR 1996

Perancis-Malaysia

LAWATAN DE CHARETTE PENDORONG BARU KEPADA HUBUNGAN DUA HALA

KUALA LUMPUR, 2 Mac (Bernama) -- Lawatan Menteri Luar Perancis Herve de Charette ke Malaysia mulai esok akan menjadi pendorong baru dalam meningkatkan lagi hubungan antara Perancis dan Malaysia, kata jurucakap Kementerian Luar Perancis.

Dengan menyifatkan lawatan de Charette sebagai yang dinanti-nantikan, beliau berkata lawatan itu adalah sebahagian daripada pendekatan baru Perancis terhadap Asia.

"Pendekatan ini memuncak dengan mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) yang sedang berlangsung di Bangkok," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan oleh Kedutaan Perancis di sini hari ini.

de Charette tiba di sini esok untuk lawatan rasmi tiga hari, yang pertama oleh Menteri Luar Perancis. Beliau akan diiringi oleh isterinya, Michele, beberapa wakil terpilih dan pengerusi tiga syarikat terkemuka Perancis -- Alcatel, Lyonnaise des Eaux dan Alsthom.

Jurucakap itu berkata Perancis mahu melibatkan diri dengan lebih giat lagi dalam pertumbuhan pesat ekonomi di Malaysia, negara rakan perdagangan pertama negara itu di Asia Tenggara.

"Hakikat yang masih wujud di Malaysia, seperti juga di negara-negara lain di rantau ini, Perancis hanya merupakan 3.5 peratus daripada pasarnya," katanya.

Jurucakap itu berkata Perancis juga mahu dialog politik yang lebih besar di peringkat pegawai kanan kedua-dua kementerian luar itu.

Semalam, Duta Perancis Edouard Braine berkata Menteri Luar berkenaan akan memberi penjelasan mengenai kontroversi ujian nuklear Perancis di Pasifik Selatan semasa perjumpaannya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini Isnin ini.

Braine juga berkata lawatan de Charette bertujuan membina satu "perbincangan politik" bagi "mengisi jurang" dan berusaha menjalinkan hubungan yang lebih baik antara Perancis dan Malaysia. -- BERNAMA

ES CR NMO